



SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016

PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN SEPAKTAKRAW

1. AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Peraturan Am, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Sepaktakraw Dunia (ISTAF) dan Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM).
- 1.2 Sekiranya Timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Ketetapan & Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**
 - 1.3.1.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepaktakraw **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** berasaskan kepada Undang – Undang Persekutuan Sepaktakraw Sedunia (ISTAF) dan Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepaktakraw **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** adalah **MUKTAMAD**.

2. TARIKH PERTANDINGAN

21 – 25 September 2016

3. TEMPAT PERTANDINGAN

Stadium Tertutup, Majlis Perbandaran Pasir Gudang
Pasir Gudang



SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016

4. PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Pegawai dan Kakitangan Pejabat SUK Negeri sepertimana yang dinyatakan dalam para 6.1 & 6.2 Ketetapan dan Peraturan AM, **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**
- 4.2 Setiap kontingen hanya di benarkan untuk mendaftarkan satu (1) pasukan sahaja sebagaimana berikut :-
- 1 Pengurus
 - 1 Jurulatih
 - 1 Fisioterapi
 - 12 Pemain (8 terbuka dan 4 orang veteran – 45 TAHUN KEATAS)
- 4.3 Borang penyertaan yang lengkap hendaklah disahkan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri / Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

5. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- 5.1 Tarikh tutup penyertaan adalah berdasarkan para 7.1 Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mensyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan (tertakluk kepada perubahan).
- 6.2 Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau Pas Khas Peserta. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan. Pertukaran pemain hanya dibenarkan dikalangan ahli – ahli kontinjen yang didaftarkan sahaja.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mensyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.



7. KATEGORI PERMAINAN

- 7.1 Pertandingan Sepaktakraw ini dijalankan secara berpasukan dengan 3 regu sebagaimana berikut:-
- Regu Terbuka
 - Regu veteran (45 tahun ke atas)
 - Regu Terbuka

8. SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Undang-Undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa sebagaimana yang telah diputuskan oleh Persekutuan Sepak Takraw Sedunia (ISTAF), iaitu seperti berikut:

8.1.1 PAKAIAN

- Semua Pasukan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya **2 set Jersi** berlainan warna (seluar dan baju) yang **seragam dan sama corak**.
- Semua pemain dalam setiap pasukan hendaklah memakai jersi yang seragam dan bernombor yang kekal di **DEPAN BAHAGIAN DADA (size 10cm tinggi) dan BELAKANG (size 20cm tinggi)** mengikut dalam Undang-Undang Permainan ISTAF.
- Kesemua pemain adalah dikehendaki memakai Jersi (baju dan seluar) yang **SERAGAM, SAMA WARNA DAN CORAKNYA (design)**.
- Pemakaian **Seluar 3 Suku (3/4)** dibenarkan dengan syarat kesemua pemain dalam **REGU** tersebut hendaklah memakai **seragam dari segi warna dan corak (design)**.
- Kontinjen digalakkan mencetak logo atau nama Pejabat SUK masing-masing pada jersi atau baju-T yang dipakai setiap perlawanan.

8.1.2 FORMAT PERTANDINGAN

- Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepak Takraw **SUKAN SUK SE-MALAYSIA KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** mempunyai hak



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016**

menentukan format pertandingan dan jadual pertandingan berasaskan kepada pengesahan jumlah pasukan.

ii) **PERLAWANAN PERINGKAT KUMPULAN**

- a. Pasukan akan diundi dengan 4 kumpulan atau mengikut jumlah yang di tentukan oleh Jawatankuasa Pengelola dengan sekurang – kurangnya tiga (3) pasukan atau maksima (5) pasukan bagi setiap kumpulan
- b. Perlawanan peringkat awalan atau kumpulan akan di jalankan secara liga satu pusingan
- c. Dua (2) pasukan teratas dalam kumpulan atau sebaaimana di putuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Sepaktakraw **Sukan SUK SeMalaysia ke VI, 2016** layak ke peringkat Kalah Singkir (Suku Akhir/Separuh Akhir/Akhir).
- d. Dua (2) pasukan yang kalah di Peringkat Separuh Akhir akan dikira pemenang tempat Ketiga.

iii) **WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN**

- a) Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepaktakraw **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.
- b) Semua pasukan wajib mematuhi jadual perlawanan dan tiada masa menunggu.

iv) **PERINGKAT AWAL**

- a. Pasukan yang menang dalam setiap perlawanan akan mendapat **3 MATA** dan Pasukan yang kalah tidak akan mendapat sebarang **MATA** (0 mata).
- b. Setelah selesai semua perlawanan Liga Satu Pusingan, sekiranya terdapat kiraan **MATA** adalah sama yang diperolehi oleh **DUA** Pasukan atau **LEBIH**, maka kemenangannya akan ditentukan oleh kaedah-kaedah seperti berikut:-



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016**

- i. Kiraan perbezaan **REGU** yang menang yang diperolehi oleh **PASUKAN** berkenaan.
 - ii. Kiraan perbezaan **SET** yang menang yang diperolehi oleh **PASUKAN** berkenaan.
 - iii. Kiraan perbezaan **ANGKA-ANGKA MATA (POINT)** yang telah diperolehi oleh **PASUKAN** berkenaan.
 - iv. Sekiranya dengan menggunakan kaedah-kaedah di atas masih lagi terdapat keputusan yang sama diperolehi oleh **DUA PASUKAN** atau **LEBIH**, maka **PASUKAN** yang mengalahkan lawannya akan dikira menang.
 - v. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepaktakraw **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan menentukan keputusan dan keputusan adalah muktamad.
- v) **BILANGAN PEMAIN YANG TIDAK MENCUKUPI**
- a) Sekiranya mana-mana regu kekurangan pemain apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang dijadualkan maka regu berkenaan tidak layak bertanding dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepaktakraw **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan membuat keputusan yang mana ia adalah muktamad.

9. BANTAHAN

- 9.1 Sebarang bantahan hanya boleh di buat oleh **Pengurus Pasukan** sahaja dan hendaklah di buat secara lisan kepada Pengadil yang bertugas ketika itu. Kemudian bantahan tersebut hendaklah di kemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Sepaktakraw **tidak lewat 30 minit** selepas tamat perlawanan berkenaan. Surat Bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dengan disertakan bersama wang pemrosesan. Wang tersebut tidak akan dikembalikan samada bantahan tersebut berjaya atau ditolak oleh Jawatankuasa.
- 9.2 Sebarang bantahan berkaitan kelayakan pemain hanya boleh di buat semasa mesyuarat Pengurus Pasukan. Bantahan yang dibuat selepas itu



SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016

akan ditolak. Keputusan Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan akan muktamad.

10. JAWATANKUASA BANTAHAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Bantahan adalah sebagaimana berikut :-

Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Sepak Takraw
Setiausaha : Koodinator Jawatankuasa Pertandingan Sepak Takraw
Ahli : Wakil Jawatankuasa Pengelola
Pegawai Teknikal Sepak Takraw
Refri/Pengadil Kehormat

Sebarang keputusan adalah muktamad.

11. HADIAH

Hadiah – hadiah yang akan disediakan bagi pemenang adalah sebagaimana berikut:-

KEDUDUKAN	HADIAH
JOHAN	PIALA PUSINGAN PIALA IRINGAN Lima belas (15) Pingat Emas
NAIB JOHAN	PIALA IRINGAN Lima belas (15) Pingat Perak
KETIGA BERSAMA (2 Pasukan)	Lima belas (15) Pingat Gangsa (bagi setiap pasukan)

SEKRETARIAT
SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016
JOHOR